



MAJLIS PENYAMPAIAN BANTUAN DAN DIVIDEN TANAM SEMULA KOMERSIAL (TSK) KEPADA PEKEBUN KECIL PARLIMEN BUKIT GANTANG

UCAPAN PERASMIAN

**YANG BERBAHAGIA TAN SRI RAHIM BIN TAMBY CHIK
PENGERUSI RISDA MALAYSIA**

DI DEWAN SEKOLAH KEBANGSAAN TOH JOHAN,
TRONG, PERAK.
19 MAC 2009
10.00 PAGI

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berhormat Dato' Hj. Saarani bin Mohamad
Pengerusi Jawatan kuasa Penerangan, Pembangunan Luar
Bandar, Pembasmian kemiskinan, Perladangan dan Kebajikan
Negeri Perak Darul Ridzuan

Yang Berhormat Datuk Hj. Rosli bin Husin
Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Trong
Merangkap Ketua UMNO Bahagian Bukit Gantang

Yang Berbahagia Dato' Ali Nordin bin Wahiduddin
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) RISDA

Yang Berbahagia En. Hairi bin Mat Lanan
Pengurus Besar RISDA Plantation

Yang Berbahagia En. Ismail bin Safian
Calon Ahli Parlimen Bukit Gantang

En. Zainal bin Abd. Rahim
Pengarah RISDA Negeri Perak

Dif-Dif Jemputan

Pegawai dan kakitangan RISDA

serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan para pekebun kecil yang
dihormati sekalian

3

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

1.0 PENGHARGAAN

Marilah kita bersama-sama pada hari ini memanjangkan kesyukuran kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah, kurnia dan rahmatNya dapat kita berkumpul di Dewan Sekolah Kebangsaan Toh Johan, Trong pada hari ini. Saya mengambil peluang di sini untuk mengucapkan ribuan terima kepada Pengurusan RISDA atas kesudian menjemput saya untuk merasmikan Majlis ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada Yang Berhormat Dato' Hj. Saarani bin Mohamad, Exco

4

Penerangan, Pembangunan Luar Bandar, Pembasmian Kemiskinan, Perladangan dan Kebajikan Negeri Perak dan Yang Berhormat Datuk Hj. Rosli bin Husin, ADUN Kawasan Trong yang sudi hadir pada hari ini. Juga terima kasih kepada semua jemputan atas sokongan yang diberikan untuk menjayakan program RISDA. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kedatangan semua Pekebun Kecil ke Majlis ini. Sokongan padu Tuan-Tuan dan Puan-Puan amat dihargai.

2.0 SENARIO INDUSTRI GETAH DAN SAWIT NEGARA

Setelah mengalami kejatuhan harga getah dan sawit secara mendadak pada penghujung tahun 2008, pada masakini, harga telah stabil di pasaran pada satu tahap yang tidak merugikan pekebun kecil walaupun pendapatan secara keseluruhan telah berkurangan. Harga SMR 20 pada 25 Februari 2009 adalah RM4.925 sekilogram dan harga Minyak Sawit Mentah (MSM) pada 24 Februari 2009 adalah RM1,880 semetrik tan. Jika harga terus turun lagi, pihak Kerajaan telah bersedia dengan beberapa langkah untuk menangani masalah kejatuhan harga getah dan sawit ini.

3.0 PAKEJ RANGSANGAN

Untuk menangani kemelesetan ekonomi yang sedang dihadapi oleh negara kita masakini, kerajaan telah memperuntukan Pakej Rangsangan RM7 billion dan RM 60 billion sebagai salah satu langkah untuk merangsang ekonomi negara supaya dapat pulih dengan lebih cepat. Dalam Pakej Rangsangan pertama, RISDA secara khususnya telah diagihkan sejumlah RM140 juta untuk melaksanakan 4,000 buah rumah dibawah Program Bantuan Rumah dan RM40 juta untuk melaksanakan Projek Prasarana seperti Jalan Pertanian, Jalan Laterite, Crusher Run, Parit, Pembentung dan Jambatan. Di bawah Pakej Rangsangan Kedua,

7

peruntukan yang akan di terima oleh RISDA belum ditetapkan lagi. Semua Projek di bawah Pakej Rangsangan ini perlu disiapkan sebelum bulan Jun 2009 supaya ekonomi dapat dirangsangkan dengan lebih cepat.

4.0 SISTEM PENYAMPAIAN KEPADA PEKEBUN KECIL

Stor Baja Pusat

Perkhidmatan bekalan baja kepada pekebun kecil merupakan satu perkhidmatan yang sangat diperlukan oleh pekebun kecil. Setakat ini, RISDA telah mewujudkan 48 buah stor baja diseluruh negara untuk membekalkan baja kepada pekebun kecil. Untuk

8

memastikan bekalan baja mencukupi untuk keperluan pekebun kecil dan menepati masa yang diperlukan, RISDA akan membina Stor Baja Pusat yang berfungsi sebagai penimbal kepada stor-stor baja yang sedia ada supaya tidak timbul masalah dalam bekalan baja kepada pekebun kecil. Saya difahamkan oleh Ketua Pengarah RISDA bahawa RISDA telah pun mula bertindak ke atas perkara ini dan pada tahun ini, 5 buah Stor Baja Pusat akan dibina iaitu di Bukit Perak, Kedah, Sungkai, Perak, Sekijang, Johor, Temerloh, Pahang dan satu lagi adalah di Gading Galoh, Kelantan.

5.0 PENGGUNAAN ICT – SISTEM E-TANAM SEMULA

Sejajar dengan perkembangan sistem teknologi maklumat terkini, RISDA juga telah mengorak langkah dengan memperluaskan perkhidmatannya kepada pekebun kecil menerusi internet dengan membangunkan sistem e-Tanam Semula yang memudahkan pekebun kecil membuat permohonan menerusi internet. Sistem e-Tanam Semula ini dapat mempercepatkan pemprosesan permohonan Tanam Semula serta mempertingkatkan sistem penyampaian kepada pekebun kecil. Dengan adanya sistem ini juga, pekebun kecil dapat mengetahui status permohonan Tanam Semula secara online. Dengan ini saya menyarankan kepada

semua pekebun kecil supaya memanfaatkan sepenuhnya Medan Info Desa (MID) yang ada di kawasan Tuan-Tuan dan Puan-Puan dan melayari Laman Web RISDA untuk berurusan dengan RISDA.

6.0 TANAM SEMULA SAWIT KE SAWIT (TSSS)

Syukur Alhamdulillah, Kerajaan telah meluluskan Bantuan Tanam Semula Sawit ke Sawit bagi pekebun kecil yang memiliki tanah tidak melebihi 2.5 hektar secara agregat mulai 1 Januari 2009. Daripada Kajian yang telah dijalankan oleh RISDA, adalah didapati pekebun kecil sawit yang memiliki 2.5 hektar ke bawah tidak mampu untuk menabung bagi melaksanakan tanam semula

kerana pendapatan bersih mereka amat terhad. Bagi pekebun kecil yang memiliki kebun sawit melebihi 2.5 hektar, mereka mempunyai lebih pendapatan dan boleh menabung untuk membiayai kos tanam semula.

Peruntukan yang disediakan bagi tempoh RMK9 adalah sebanyak RM 16,890,000 dengan keluasan 6,000 hektar untuk di tanam semula sawit ke sawit. Pada tahun 2009 ini, sejumlah RM4.4 juta diperuntukkan untuk melaksanakan seluas 2,000 hektar.

Adalah diharapkan dengan adanya Bantuan ini yang berjumlah RM6,000.00 sehektar, akan dapat membantu meringankan beban kos pembiayaan tanam semula dan secara tidak

langsung,pendapatan pekebun kecil sawit akan dapat ditingkatkan. Dengan ini, saya menyeru kepada semua pekebun kecil sawit yang layak untuk membuat permohonan segera bagi mendapatkan Bantuan TSSS ini.

7.0 BENIH SAWIT

Bagi melaksanakan Program ini, RISDA telah pun bersedia dengan penambahan benih sawit. Bagi tahun 2009 ini, selain daripada menyediakan 11.4 juta benih getah, RISDA juga menyediakan 1.4 juta benih sawit. Selain daripada itu, benih sawit yang baru dan bermutu juga dikenalpasti untuk memberi

13

perkhidmatan yang terbaik kepada pekebun kecil. Ke arah ini, RISDA juga ada mengeluarkan benih 'RISDA Seed' dan pada masa ini sedang bekerjasama dengan MPOB untuk mengeluarkan benih Tisu Kultur. Pada penghujung tahun 2009 ini, insyaAllah RISDA dapat mengeluarkan benih Tisu Kultur ini apabila Makmal Tisu kultur RISDA di Bangi siap.

Selain daripada itu, sejumlah 3 buah Tapak semaian Transit Sawit juga akan dilaksanakan pada tahun ini untuk menampung keperluan benih sawit secara lebih berkesan.

14

8.0 CADANGAN IKPK SAWIT

Selaras dengan perkembangan dalam industri sawit dan juga penambahan tugas dan peranan RISDA dalam membangunkan pekebun kecil sawit, pembangunan modal insan juga tidak dilupakan. Pengurusan RISDA telah bersetuju untuk menubuhkan sebuah Institut Kemajuan Pekebun Kecil khusus untuk memberi latihan khusus dalam bidang teknologi sawit kepada pekebun kecil supaya segala pembaharuan dan teknologi dalam industri sawit dapat di amalkan oleh mereka. Pada masa ini, RISDA sedang dalam usaha untuk mengenalpasti tempat yang sesuai untuk menempatkan IKPK ini.

15

9.0 DIVIDEN TANAM SEMULA KOMERSIAL

Kebun pekebun kecil yang diuruskan oleh RISDA Plantation secara keseluruhan adalah 1,047 projek TSK dengan bilangan peserta seramai 30,620 orang dengan keluasan 60,993.96 hektar. Setakat Disember 2008, RISDA Plantation telah membuat bayaran dividen TSK sejumlah RM 118,995,000.00. Bagi Negeri Perak sejumlah RM 19,820,792.14 dividen telah di bayar. Pada hari ini, peserta 4 buah TSK di bawah Parlimen Bukit Gantang akan menerima dividen berjumlah RM 163,390.72.

16

10.0 PENUTUP

Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan ucapan terima kasih kepada YB Dato' Hj. Saarani bin Mohamad, Exco Negeri Perak, YB Datuk Hj. Rosli bin Husin, ADUN Kawasan Trong dan tidak ketinggalan juga kepada En Ismail Safian, calon Ahli Parlimen Bukit Gantang yang turut hadir pada hari ini. Juga setinggi-tinggi tahniah kepada Dato' Ali Nordin bin Wahiduddin, Timbalan Ketua Pengarah RISDA kerana berjaya menganjurkan satu Majlis yang begitu berfaedah kepada pekebun kecil . Semoga Majlis ini memberi manfaat yang sepenuhnya kepada masyarakat pekebun kecil diseluruh negara dan Negeri Perak dan Parlimen Bukit

Gantang khususnya untuk lebih maju lagi di masa hadapan. Saya mendoakan agar Tuan-tuan dan Puan akan terus maju dan meningkatkan pendapatan dan seterusnya meningkatkan taraf hidup yang lebih tinggi. Azam dan kerjasama dari semua akan dapat menjayakan aktiviti pembangunan luar bandar dan semoga Tuan-tuan dan puan-puan akan terus cemerlang dalam mengharungi kehidupan yang lebih sejahtera.

Dengan kata-kata ini, saya dengan lafaz 'Bismillahirrahmanirrahim' merasmikan Majlis Penyampaian Bantuan dan Dividen Tanam Semula Komersial (TSK) kepada Pekebun Kecil Parlimen Bukit Gantang.

Sekian. Wabillahi taufik Walhidayah Wsb.